



KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/ (27)
17 November 2009

**Semua Pengarah Pelajaran
Jabaran Pelajaran Negeri**

Y.Bhg. Datuk/Dato/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 8 /2009
LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN SEMASA MENGIKUTI
AKTIVITI/PROGRAM LAWATAN DI LUAR WAKTU PERSEKOLAHAN

Kementerian Pelajaran Malaysia amat memandang serius terhadap beberapa kejadian kemalangan atau insiden yang melibatkan murid-murid terutama kemalangan yang mengakibatkan kematian. Sehubungan itu, pihak sekolah hendaklah bertanggungjawab memastikan keselamatan murid-murid ketika menyertai sebarang aktiviti luar yang dianjurkan sentiasa terjamin. Justru itu, langkah-langkah keselamatan yang maksima perlu diambil bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlakunya kemalangan dalam kalangan murid-murid ketika mengikuti aktiviti atau program yang dianjurkan.

2. Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk mengingatkan semua Pengetua dan Guru Besar supaya mematuhi semua prosedur, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ketika menganjurkan aktiviti atau program luar yang melibatkan murid-murid di samping sentiasa berwaspada terhadap sebarang kemungkinan-kemungkinan yang boleh berlaku terhadap murid-murid.

3. Sebagai panduan, Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas berikut yang mengandungi prosedur, peraturan dan garis panduan pengendalian program /aktiviti luar hendaklah dirujuk dan dipatuhi.

- 3.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2000**
Menangani Masalah Keselamatan, Dadah dan Gengster;
- 3.2 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000**
Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah;

- 3.3 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1999**
Keselamatan Diri Murid Dalam Perjalanan Pergi Dan Balik
Sekolah; dan
- 3.4 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2007**
Garis Panduan Lawatan Murid

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, serta Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato/datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
 2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
 7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
 8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
 9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia.